

# Membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar

4/4/19 BH



**Kuala Lumpur:** Karnival Usahawan Kampus (KUK 2019) Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor yang dianjurkan baru-baru ini berupaya memberi pendedahan kepada pelajar mengenai selok-belok dunia perniagaan sebenar.

Program anjuran Unit Pembangunan Keusahawanan dan Kelab Usahawan Muda MyAgrosis PSA itu bertujuan membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar, selain membangunkan usahawan pelajar PSA.

Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail, berkata pengajuran program itu adalah satu strategi untuk melahirkan usahawan pelajar

yang mampu membina perniagaan ketika masih dalam pengajian dan usahawan graduan yang berupaya mencipta serta memberikan pekerjaan kepada orang lain.

Katanya, PSA ingin menjadi peneraju institusi latihan teknikal dan vokasional (TVET) terunggul yang mampu melahirkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan.

## Pelbagai aktiviti

“Oleh itu, saya berharap supaya pelajar menggunakan peluang ini untuk mempelajari ilmu, mengambil idea dan mendapatkan motivasi daripada pakar usahawan yang hadir pada karnival kali ini.

“Program ini juga diharapkan dapat membuka minda pelajar mengenai peluang yang menanti mereka apabila menemburi bidang keusahawanan pada masa depan,” katanya ketika berucap pada Majlis Penutup KUK 2019, baru-baru ini.

Sempena KUK 2019, pelbagai aktiviti dianjurkan antaranya, CEO Talk oleh Ketua Pegawai Eksekutif MBZ Fastest Million, Datuk Seri Mahadi Badrul Zaman; Persembahan Muzikal Usahawan, Seminar Jana Pendapatan Sambil Belajar Melalui Insurans, My Best Buy3/2019; Pertandingan Pitching Produk-Pelajar DPB2012 Keusahawanan dan pelaksanaan New Breed Marketing Entrepreneur (NBME).

Pelajar menjalankan aktiviti perniagaan sempena KUK2019.